


PIPIT RAWA
Black-headed Munia

FAMILI: Estrildidae
NAMA SAINTIFIK: *Lonchura malacca*



CIRI-CIRI

Bagi burung jantan dewasa agak mudah untuk dikenali kerana mempunyai warna coklat kemerahan yang agak gelap serta berbeza dengan bahagian kepala yang berwarna hitam. Pada bahagian tengah perut dan bawah tongkeng berwarna lebih gelap manakala bahagian paruh berwarna kelabu biru yang terang. Bagi burung juvenil, bahagian atas badan berwarna coklat yang agak sekata manakala bahagian bawah badan yang berwarna kuning keperangan yang sekata.

SAIZ

Panjang keseluruhan spesies ini adalah di antara 11.0 sm-11.5 sm.

MAKANAN

Biji-bijian.

HABITAT

Kawasan tumbuhan berumput, kawasan paya air tawar, kawasan semak samun, kawasan pertanian, kawasan sawah padi, hingga ke ketinggian 1,525 m (kebiasaannya di kawasan tanah pamah).

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi yang lemah *pee pee* ... terutamanya semasa terbang.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan adalah dari bulan Disember hingga Oktober setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 4-6 biji telur di dalam sarang yang terletak di atas tanah, pokok atau semak

STATUS

Akta 76/72, tidak disenaraikan.